

## Program Subsidi Petrol BSH bermula 1 Januari depan

MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

07 Oktober 2019 3:05 PM



Bantuan secara tunai akan dikreditkan terus ke dalam akaun penerima setiap empat bulan sekali. - Gambar hiasan

PUTRAJAYA - Program Subsidi Petrol (PSP) akan dilaksanakan pada 1 Januari 2020 dengan melibatkan seramai 2.9 juta penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang memiliki kereta dan motosikal.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, bantuan secara tunai itu akan dikreditkan terus ke dalam akaun mereka bagi setiap empat bulan sekali.

Jelasnya, menerusi program itu, penerima akan diberikan subsidi petrol sebanyak RM30 bagi kereta dan motosikal RM12 setiap sebulan.

"Kita menjangkakan seramai 2.9 juta penerima akan memperoleh manfaat daripada program subsidi ini dengan anggaran tanggungan bagi perlaksanaan tersebut sebanyak RM65.4 juta sebulan.

"Program ini merupakan satu bentuk bantuan kewangan untuk membantu rakyat membiayai sebahagian kos penggunaan petrol," katanya pada sidang akhbar khas PSP di sini hari ini.

Menurut Saifuddin, prinsip bantuan yang disampaikan oleh kerajaan adalah melalui pengagihan semula subsidi yang saksama dan dasar berpandukan data.

Jelasnya, prinsip itu berdasarkan data asas yang bersih diperoleh daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan BSH.

"Penerima perlu memenuhi kriteria pemilikan kenderaan yang telah ditetapkan iaitu kereta perlu 1,600 cc dan ke bawah dan kereta melebihi 1,600 cc yang berumur 10 tahun dan ke atas.

"Bagi kategori motosikal yang layak pula adalah motosikal 150 cc dan ke bawah dan motosikal melebihi 150 cc yang berumur tujuh tahun dan ke atas," katanya.

Tambah Saifuddin, subsidi petrol sedia ada secara pukal yang dinikmati oleh semua orang tanpa mengira kerakyatan dan pendapatan akan diubah kepada golongan sasar yang layak, iaitu warganegara Malaysia yang memerlukan bantuan tersebut.

Maklumat lanjut mengenai PSP, layari laman web [psp.kpdnhep.gov.my](http://psp.kpdnhep.gov.my) dan semakan kelayakan boleh dibuat bermula 1 Disember depan. - K!ONLINE

